

Tabung Haji tidak beli saham MAS

UM 24 NOV 2000

Oleh Norbakti Alias

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Lembaga Tabung Haji tidak akan mengambil alih saham kawalan dari pengurusan Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajuddin Ramli.

“Tabung Haji hanya menggunakan perkhidmatan MAS. Mereka bukanlah pengendali syarikat penerbangan.

“Malah, Tabung Haji juga tidak akan membeli pesawat,” kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas kemungkinan Tabung Haji membeli saham kawalan itu.

Dr Mahathir berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Pembangunan Islam dan Ancaman Ajaran Sesat di Pusat Pameran dan Persidangan Antarabangsa

“

Tabung Haji hanya menggunakan perkhidmatan MAS. Mereka bukannya pengendali syarikat penerbangan

”

– Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

Malaysia (Mines) di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Abdul Hamid Othman.

Sebelum ini, Tabung Haji menyatakan kesediaan menimbang kemungkinan mengambil alih saham kawalan MAS.

Hasrat Tabung Haji itu timbul selepas Perdana Menteri mengesahkan kerajaan sedang berbincang untuk membeli saham Tajudin dalam MAS. Tajudin

menguasai 29.09 peratus pegangan dalam MAS menerusi syarikat yang dikuasainya, Naluri Bhd.

Sebelum ini, Tabung Haji mempunyai saham dalam MAS tetapi menimbulkan bantahan umat Islam kerana ada di antara kegiatan syarikat penerbangan itu, tidak mengikut hukum syarak, iaitu menghidangkan arak dalam penerbangan.

Berikutan bantahan itu, Tabung Haji melepaskan pegangannya dalam MAS

secara beransur-ansur sejak 1989.

Tabung Haji adalah pengurus dana ekonomi umat Islam terbesar di negara ini dengan aset dan dana bernilai RM8.5 bilion.

Beberapa syarikat penerbangan asing juga dikaitkan dengan perbincangan untuk membeli ekuiti dalam MAS, termasuk Qantas Airways, SwissAir, Air

France dan KLM Royal Dutch Airlines.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi suku ketiga dijangka melebihi tujuh peratus.

“Saya fikir (KDNK) suku ketiga harus lebih dari tujuh peratus. Suku ketiga ‘kelihatan baik’.

Bagaimanapun, katanya

ia tidak akan setinggi yang dicapai berbanding suku pertama tahun ini. Malaysia mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 11.9 peratus dalam suku pertama dan 8.8 peratus dalam suku kedua.

“Suku pertama adalah tinggi kerana suku pertama tahun lalu adalah amat rendah dan ia mudah bagi kita mengatasi angka itu,” je-

lasnya.

Dr Mahathir, bagaimanapun, berkata suku kedua, ketiga dan keempat 1999 juga agak baik.

“Malaysia boleh mencapai ramalan pertumbuhan KDNKnya pada 7.5 peratus bagi seluruh tahun ini seperti diumumkan oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin baru-baru ini,” katanya.